

1. KSU kementerian, 2 anak direman tujuh hari



KETUA Setiausaha sebuah kementerian (baju oren) bergelar Datuk dibawa oleh anggota Suruhanjaya

PUTRAJAYA: Ketua Setiausaha sebuah kementerian bergelar Datuk bersama dua anak lelakinya direman tujuh hari bermula hari ini bagi bantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa untuk menerima rasuah.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman di Mahkamah Majistret di sini sebentar tadi.

KSU berusia 59 tahun itu ditahan di kediamannya di Subang Jaya semalam manakala dua lagi anaknya masing-masing berusia 29 dan 34 tahun yang juga pengurus syarikat ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam selepas selesai memberi keterangan.

Susulan penahanan itu, SPRM merampas dan menyita wang tunai dan jongkong emas yang dianggarkan bernilai kira-kira RM3 juta.

Ketiga-tiga mereka disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

KSU berkenaam dipercayai terbabit secara langsung dengan aktiviti rasuah terutama dalam pelantikan kontraktor, pembekal dan vendor berkepentingan.

Dua anaknya pula yang berusia dipercayai bersubahat berperanan menerima serta menyimpan wang hasil rasuah daripada kontraktor, pembekal dan vendor yang mempunyai kepentingan dengan KSU terbabit.

2. 3 anggota polis didakwa rasuah



TIGA anggota polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas tuduhan meminta rasuah daripada seorang lelaki Vietnam yang tidak mempunyai permit kebenaran bekerja. - Foto Zulkarnain Ahmad Tajuddin

JOHOR BAHRU: Tiga anggota polis dihadapkan ke Mahkamah Sesyen sebentar tadi, atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,050 pada tahun lalu. Tertuduh, V Venisan Raj, 31, Mohd Dzulfadzli Mohammad Noor, 29, dan Shafiul Kamal Salleh, mengaku tidak bersalah selepas tuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Mohamad Haldar Abd Aziz.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu sebagai dorongan tidak mengambil tindakan terhadap seorang pekerja Vietnam yang tidak memiliki permit kerja, tahun lalu di depan lot kedai di Taman Damai, Pontian, antara jam 2 hingga 2.30 petang, pada 1 April tahun lalu. Venisan Raj turut menghadapi pertuduhan berasingan menerima rasuah berjumlah RM550 di Parit Semerah, Pontian bagi kesalahan yang sama, jam 2.47 petang pada 17 April tahun lalu.

Selain itu, Venisan Raj bersama Mohd Dzulfadzli turut menghadapi satu lagi pertuduhan menerima rasuah RM1,000 bagi kesalahan yang sama di Taman Jasa Indah, Pontian antara jam 5 hingga 5.30 petang pada 19 Mac tahun lalu.

Mohd Dzulfadzli turut menghadapi pertuduhan berasingan menerima rasuah RM1,000 dari orang yang sama, di Taman Jasa Indah, antara jam 5 hingga 5.30 petang pada 19 Mac tahun lalu.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta yang sama. Mereka boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak

kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan. Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ridzuan Abd Malik. Setiap tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin RM5,000 dan tarikh pengurusan kes ditetapkan pada 15 Februari ini.



Isnin, 9 Januari 2017

3. SPRM juga tangkap 'jerung' - TPM



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berucap pada majlis Pengisytiharan Daerah Bagan Datuk di Bagan Datuk, sebentar tadi. - Foto BERNAMA

BAGAN DATUK: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata penangkapan seorang Ketua Setiausaha kementerian menunjukkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak hanya menahan 'ikan bilis' tetapi juga 'jerung' yang terbabit rasuah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penangkapan itu amat dialu-alukan memandangkan kedudukan Malaysia yang agak tinggi dalam Indeks Amalan Rasuah yang disenaraikan pihak antarabangsa.

"Oleh itu, kita berharap ia diteruskan, jangan ada kompromi kerana ia meletakkan imej yang baik kepada negara," katanya pada sidang media selepas majlis Pengisytiharan Daerah Bagan Datuk di sini sebentar tadi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berharap tindakan penangkapan 'jerung' rasuah itu bukan langkah bermusim, sementara atau kes terasing tetapi usaha berterusan SPRM setiap masa.

Beliau yakin kepimpinan SPRM sekarang memiliki keazaman yang kuat dan jitu bagi membanteras amalan rasuah dan menahan 'jerung' yang terbabit dalam kegiatan itu.



Selasa, 10 Januari 2017

4. KSU disiasat SPRM digantung tugas



ALI Hamsa pada sidang media di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Putrajaya, hari ini. - Foto Fariz Iswadi Ismail

PUTRAJAYA: Ketua Setiausaha (KSU) sebuah kementerian yang sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah digantung tugas daripada perkhidmatan sejak ditahan pada 4 Januari lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata pegawai kanan berkenaan kini ditempatkan ke Jawatan Kumpulan Tidak Berportfolia (pool) di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Buat masa ini beliau masih menerima gaji penuh dan akan menerima gaji separuh apabila kesnya didakwa di mahkamah nanti sehingga dibuktikan bersalah," katanya pada sidang media di sini hari, ini.

Selain itu, beliau menyokong tindakan SPRM memerangi gejala rasuah dalam perkhidmatan awam termasuk pegawai kanan kerajaan.

"Kita menyokong SPRM untuk mengambil tindakan dan kami di peringkat penjawat awam akan meneruskan usaha pencegahan," katanya.

Beliau juga mengingatkan penjawat awam mereka boleh meneruskan hobi bermain golf atau apa juga aktiviti tetapi jangan babitkan pihak berkepentingan yang boleh membawa kepada penyelewengan.



Selasa, 10 Januari 2017

5. Tiada tolak ansur pegawai Imigresen tanpa integriti - KP



KETUA Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

PUTRAJAYA: Penahanan empat pegawai Jabatan Imigresen Selangor termasuk dua wanita oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam dilakukan dengan hasil risikan dan audit dalaman Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali, menegaskan pihaknya tidak akan bertolak-ansur dengan pegawainya yang melakukan pelanggaran integriti sehingga mencemarkan nama baik dan imej jabatan.

"Empat pegawai ini ditahan SPRM kerana disyaki mengemukakan laporan yang mengandungi maklumat palsu bagi permohonan pasport Malaysia antarabangsa (PMA), yang dikesan melalui risikan dan audit dalaman JIM.

"Selain tindakan menghadapkan mereka di mahkamah oleh pihak berkuasa seperti SPRM, JIM juga akan mengenakan hukuman serius pada peringkat jabatan termasuk buang kerja jika mereka terbukti bersalah.

"JIM akan sentiasa telus dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan siasatan berhubung perkara ini selain bertindak proaktif menangani isu berkaitan integriti selain memastikan integriti pegawai JIM pada tahap maksimum," katanya dalam kenyataan hari ini.

Petang tadi, dua wanita antara empat pegawai Jabatan Imigresen Selangor ditahan SPRM kerana disyaki mengemukakan laporan bayaran mengandungi maklumat palsu Orang Kelainan Upaya (OKU) bagi permohonan PMA.

Sumber berkata mereka yang berumur antara 31 dan 39 tahun ditahan di pejabat Imigresen Selangor.



Selasa, 10 Januari 2017

6. LHDN ikrar kekang rasuah bersama SPRM



KETUA Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Sabin Samitah menyerahkan borang Ikrar Bebas Rasuah kepada Dzulkipli, di Cyberjaya, hari ini. - Foto Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) hari ini menjadi agensi kerajaan pertama negara yang bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkipli Ahmad, berkata inisiatif proaktif LHDN bagi tangani rasuah dan salah guna kuasa bersama SPRM itu harus menjadi

iktibar kepada agensi kerajaan serta syarikat swasta lain. "Sokongan dan komitmen seluruh warga kerja LHDN ini secara tidak langsung akan menjadi pembakar semangat kepada SPRM untuk terus berjuang melaksanakan tugas dan tanggungjawab memerangi jenayah rasuah serta salah guna kuasa secara habis-habisan.

Kerjasama strategik ini dapat memastikan maklumat mengenai kes rasuah dan salah guna kuasa yang disiasat SPRM akan dapat dirujuk kepada LHDN untuk diambil tindakan mengikut undang-undang berkaitan," katanya berucap pada Majlis Menandatangani IBR di Menara Hasil, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, seramai 150 pegawai LHDN merangkumi Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, ketua jabatan, cawangan dan cawangan siasatan serta bahagian menandatangani IBR.

Pada 21 Disember tahun lalu, SPRM dan LHDN menjalin kerjasama strategik bertujuan memperkukuh tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap individu yang terbabit dengan jenayah rasuah, salah guna kuasa serta mengelak sistem percukaian negara. Sebelum ini, LHDN juga pernah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Institut Integriti Malaysia bagi membendung kegiatan sama dalam kalangan kakitangannya. Dzulkifli berkata, IBR berbeza dengan CIP kerana ia memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dilakukan kepimpinan serta kakitangan LHDN sebagai individu untuk menjunjung tanggungjawab bagi menghindari daripada terbabit dengan cubaan rasuah atau salah guna kuasa sepanjang melaksanakan tugas. Katanya SPRM memberi amaran kepada sesiapa yang terbabit rasuah kerana mereka tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang serta boleh didakwa mengikut Akta SPRM, Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 atau Akta Cukai Pendapatan 1967



Rabu, 11 Januari 2017

7. Bantuan persekolahan RM3.059 bilion tahun ini - Mahdzir

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan menyediakan 19 bantuan untuk pelajar tahun ini dengan nilai peruntukkan RM3.059 bilion, berbanding RM2.064 bilion pada tahun lepas.

Bantuan itu dikelaskan kepada empat kategori, iaitu Bantuan Persekolahan Umum (B.63), Bantuan Persekolahan Khusus (B.63), Bantuan Persekolahan Khusus (B.12) dan Bantuan Persekolahan One-Off (B.11).



MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid. - Foto Mohd Fadli Hamzah

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata antara bantuan persekolahan berkenaan adalah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu 1Malaysia, Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK), biasiswa sukan, bantuan seragam beruniform dan Biasiswa Kecil Persekutuan.

Ia termasuk bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia dan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M).

"Bantuan persekolahan untuk murid tahun 2017 yang perlu diketahui oleh masyarakat. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan cabaran ibu bapa dalam perbelanjaan persekolahan anak-anak," katanya dalam kenyataan di Facebook.



Rabu, 11 Januari 2017

8. Bank Dunia jangka ekonomi Malaysia tumbuh 4.3 peratus tahun ini

KUALA LUMPUR: Bank Dunia menjangka ekonomi Malaysia tumbuh sebanyak 4.3 peratus pada 2017 dan 4.5 peratus tahun depan selepas pasaran dapat menyesuaikan kesan harga bahan api rendah serta harga komoditi menjadi lebih stabil.

Angka itu menandakan aliran pengembangan sederhana daripada pertumbuhan rendah 4.2 peratus yang dijangkakan pada 2016.

Bank Dunia, dalam satu kenyataan, menyatakan pertumbuhan dalam kalangan negara pengeksport komoditi di rantau ini diunjur meningkat dengan pesat.

"Indonesia dijangka meningkat kepada 5.3 peratus pada 2017 daripada 5.1 peratus dalam tahun yang baru berakhir ini hasil daripada peningkatan pelaburan swasta.

"Malaysia dijangka meningkat kepada 4.3 peratus pada 2017 apabila penyesuaian kepada harga tenaga rendah berjalan lancar dan harga komoditi stabil," kata bank itu.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasara (KDNK) negara berkurangan kepada lima peratus pada 2015 daripada enam peratus pada 2014.

Bagaimanapun, prospek pertumbuhan merosot di beberapa negara pengeksport komoditi yang lebih kecil seperti Mongolia dan Papua New Guinea, di mana kejutan terma perdagangan telah diburukkan lagi dengan kelemahan domestik, kata Bank Dunia.

Mengenai prospek pertumbuhan di Asia Timur dan rantau Pasifik, Bank Dunia mengunjurkan ia susut kepada 6.2 peratus tahun ini susulan pertumbuhan perlahan di China yang menyederhana susulan peningkatan negara-negara lain di rantau itu.

"Pengeluaran di China dijangka perlahan kepada 6.5 peratus tahun ini.

"Dasar makroekonomi dijangka menyokong pamacu pertumbuhan domestik utama meskipun kelemahan permintaan luaran dan lebihan kapasiti dalam beberapa sektor. Kecuali China, pertumbuhan di rantau itu dilihat berkembang lebih pesat pada kadar lima peratus pada 2017," menurut bank itu.

Sementara itu, bagi ekonomi global, Bank Dunia mengunjur ia meningkat sederhana kepada 2.7 peratus pada 2017 selepas paras rendah pasca krisis tahun lalu.

Halangan kepada aktiviti berkurangan dalam kalangan pasaran sedang pesat membangun dan pengeksport komoditi ekonomi membangun, manakala permintaan domestik kekal kukuh dalam kalangan pengimport komoditi negara sedang pesat membangun dan negara membangun. - BERNAMA

9. BNM tingkat inisiatif celik kewangan rakyat Malaysia

GABENOR Bank Negara Malaysia (BNM) , Datuk Muhammad Ibrahim. - Foto BH

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus meningkatkan inisiatif celik kewangan bagi mempertingkatkan tahap kemahiran kewangan pengguna di Malaysia.

Gabenornya, Datuk Muhammad Ibrahim, berkata pelbagai inisiatif sedang dan akan dilaksanakan untuk memperluaskan pembelajaran ilmu kewangan di peringkat sekolah dan universiti serta program pendidikan kewangan berimpak tinggi untuk golongan belia dan dewasa.

"Bagi pihak BNM, saya menegaskan kembali hasrat kami untuk terus membangunkan sebuah ekosistem kewangan yang inklusif, yang memastikan segenap lapisan masyarakat kita mendapat faedah daripada pelbagai produk, perkhidmatan dan nasihat kewangan yang berkualiti dan pada harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan penutup Karnival Kewangan 2017 di sini, hari ini.

Muhammad berkata, karnival berkenaan yang dianjurkan BNM selama tiga hari bermula Jumaat lalu, menarik lebih 20,000 pengunjung daripada semua lapisan masyarakat.

Katanya, ia termasuk golongan berpendapatan rendah, suri rumah, orang kurang upaya, pelajar dan kanak-kanak sekolah, termasuk dari luar Lembah Klang.

Beliau berkata, pengunjung karnival berkenaan mengambil peluang untuk mempelajari saluran perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh institusi dan agensi berkaitan.

Selain itu, lebih 8,000 pengunjung turut mengambil peluang untuk mendapatkan khidmat nasihat secara individu daripada BNM dan agensi kewangan lain, termasuk Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, katanya.

Muhammad berkata, lebih daripada 500 akaun simpanan juga telah dibuka dan lebih 500 permohonan pembiayaan berjumlah RM94 juta telah dibuat, termasuk daripada perusahaan kecil dan sederhana.

"Saya yakin semua pengunjung dapat memanfaatkan sepenuhnya pengetahuan yang diperoleh, terutama mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang bijak," katanya.

Sementara itu, katanya, golongan belia turut menyuarakan pelbagai pendapat di karnival berkenaan melalui pertandingan pidato antara universiti yang disertai 38 peserta daripada 16 universiti.

"Pelbagai pendapat yang bernas telah disuarakan oleh pelajar ini mengenai isu pengurusan kewangan dan celik kewangan daripada perspektif golongan belia," katanya.

Menurutnya, belia adalah generasi yang akan memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat dan aspirasi negara ke arah Transformasi Nasional 2050



Isnin, 16 Januari 2017

10. PAC siasat BALB di Sabah



PENGERUSI Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Ariffin. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KOTA KINABALU: Isu bekalan air luar bandar di Sabah mendapat perhatian Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menerusi siasatan berhubung pelaksanaan projek berkaitan.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata Laporan Ketua Audit Negara sebelum ini menggariskan projek bekalan air luar bandar (BALB) khususnya di Pulau Gaya di sini, sebagai bermasalah.

"Semalam kita ke Pulau Gaya untuk melihat secara dekat keadaan bekalan air di pulau itu yang membabitkan peruntukan lebih RM100 juta," katanya kepada media selepas majlis perasmian Seminar PAC SeMalaysia, di sini, hari ini.

Seminar dirasmikan Menteri Tugas-Tugas Khas Sabah, Datuk Teo Chee Kang yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

Hasan berkata, langkah turun padang itu sejajar dengan tugas PAC mengumpul maklumat berkaitan masalah disenaraikan dalam Laporan Ketua Audit Negara sebelum laporan dibentang kepada Parlimen.

Katanya, PAC bertindak berdasarkan laporan Ketua Audit Negara dan mengumpul maklumat daripada pihak berkaitan, bukannya tindakan berbentuk penguatkuasaan.

Sementara itu, beliau berkata, PAC di peringkat negeri wajar diperkasakan dan ahlinya perlu memahami tugas badan berkenaan dalam membantu kerajaan memantau pelaksanaan projek demi manfaat rakyat.

"Di peringkat Parlimen, umum mengetahui tugas PAC, malah setiap tahun kita keluarkan laporan dalam portal kita tetapi di peringkat negeri ia harus diperkasakan," katanya.

Dalam hal berkaitan, Chee Kang berkata, dakwaan PAC lemah memantau projek hingga menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan rasuah dalam agensi awam adalah tidak tepat.

Sebagai badan yang bertindak berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, katanya, PAC sudah mengambil usaha sewajarnya untuk menyiasat kelemahan dan mengumpul maklumat berhubung projek bermasalah.

11. Rasuah: Kedah larang main golf

ALOR SETAR: Kerajaan negeri Kedah melarang penjawat awamnya terutama berjawatan tinggi bermain golf di luar negara bagi mengelak risiko jenayah rasuah.

MENTERI Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah. - Foto Amran Hamid Menteri Besarnya, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, mengumumkan larangan itu ketika menyampaikan amanat sempena Perutusan Tahun Baru 2017, di Dewan Seri Negeri, sebentar tadi.

Langkah itu, katanya, adalah langkah pengukuhan integriti dalam kalangan penjawat awam di Kedah. "Larangan bermain golf di luar negara atau pakej bermain golf bersama kontraktor, pembekal atau orang berkepentingan semasa waktu pejabat ini dikenakan bagi semua pegawai tinggi jabatan dan agensi negeri.

"Imej pentadbiran negeri dan persekutuan yang ada di Kedah bukan sahaja perlu dilihat bersih, sifar rasuah, cekap lagi efisien, malah mestilah menjauhi sebarang tindakan yang bercanggah undang-undang. "Laksanakanlah amanah secara luhur, malah integriti perlu dipertahankan bagi mengukuhkan kredibiliti.

Jauhi amalan rasuah dan gaya hidup mewah seperti saranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)sebelum ini," katanya. Baru-baru ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, mengingatkan penjawat awam khususnya pengurusan tertinggi untuk menghentikan serta-merta aktiviti bermain golf di luar negara kerana tindakan itu akan cenderung kepada gejala rasuah dan salah guna kuasa.

12. Wang jaminan bekas pengarah JANS, isteri dikurangkan

KOTA KINABALU: Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu di sini, hari ini, membenarkan rayuan bekas Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Awang Mohd Tahir Mohd Talib, 54, bersama isterinya, Fauziah Piut, 51, untuk pengurangan jaminan daripada RM12 juta kepada RM6 juta.

Ia berkaitan 33 tuduhan dihadapi mereka kerana terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM59.1 juta.

Hakim Mahkamah Tinggi, Ravinthran Paramaguru, membenarkan jaminan dikurangkan selepas mendengar hujah daripada pihak pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muhamad Anas Mahadzir, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam PJ Pereira.

"Bagi tertuduh pertama iaitu Awang Mohd Tahir, mahkamah mengurangkan jaminan daripada RM10 juta kepada RM5 juta dengan memerintah tertuduh membayar deposit RM2 juta serta dua penjamin tempatan.

"Mahkamah turut mengurangkan jaminan kepada Fauziah daripada RM2 juta kepada RM1 juta dengan tertuduh diperintahkan membayar RM500,000 dengan dua penjamin tempatan. Kedua-dua tertuduh juga hendaklah melaporkan diri kepada SPRM dua kali sebulan," katanya.

Pada 29 Disember lalu, Mahkamah Sesyen menetapkan nilai jaminan RM10 juta terhadap Awang Mohd Tahir yang didakwa atas 12 pertuduhan menyeleweng dana infrastruktur kerajaan sebanyak RM56.9 juta.

Hakim Ummu Khaltom Abdul Samad turut menetapkan wang jaminan RM2 juta kepada Fauziah yang berdepan 19 pertuduhan memiliki wang tunai berjumlah RM2.2 juta dan pelbagai barangan kemas dan perhiasan.

Pasangan suami isteri itu turut menghadapi dua tuduhan bersama, masing-masing memiliki barang perhiasan, iaitu 575 jenis emas dan 346 jenis bukan emas.

13. Saluran terbaik Malaysia tingkat dagangan

Saluran terbaik Malaysia tingkat dagangan

Sejak memulakan kempen Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS) yang baru berlalu, antara manifesto dan dasar dicanangkan oleh Presiden Donald Trump yang mendapat perhatian dan memberikan kesan kepada dunia amnya adalah mengenai dasar perdagangan luar republik itu.

Kelantangan beliau dalam mengkritik dasar perdagangan sedia ada AS yang disifatkannya berat sebelah dan menyebabkan ramai rakyat kehilangan pekerjaan.

Perjanjian Perdagangan seperti Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang ditandatangani pada 1994, contohnya, disifatkan Trump memberi kelebihan kepada Mexico dan Kanada berbanding AS. Berjuta-juta peluang pekerjaan dipindahkan dari AS ke Mexico, termasuk di sektor automotif dan ini memberi tekanan kepada sektor pekerjaan di AS.

Oleh yang demikian itu, bukanlah mengejutkan apabila AS di bawah pimpinan Trump yang memelopori dasar disifatkan memencil dan melindungi diri dengan berundur daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Seperti kita sedia maklum, tanpa AS, TPPA tidak dapat dilaksanakan.

Ini berdasarkan kepada klausa 30 dalam perjanjian itu yang mengkehendaki Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara terbabit hendaklah tidak kurang daripada 85 peratus daripada KDNK kesemua 12 negara peserta. Oleh itu, jelaslah pengunduran AS akan menamatkan peluang pelaksanaan TPPA.

KDNK tak kurang 85 peratus
Ini berdasarkan kepada klausa 30 dalam perjanjian itu yang mengkehendaki Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara terbabit hendaklah tidak kurang daripada 85 peratus daripada KDNK kesemua 12 negara peserta. Oleh itu, jelaslah pengunduran AS akan menamatkan peluang pelaksanaan TPPA.

Dalam pada itu, Malaysia contohnya masih mempunyai Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang turut dianggotai oleh 39 anggota ASEAN selain rakan dagangan serantau iaitu China, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand dan India.

Dengan teruburnya TPPA maka RCEP bakal dilihat sebagai saluran terbaik untuk negara terbabit termasuk Malaysia meningkatkan jalinan dagangan lebih rapat di samping memanfaatkan

peluang perdagangan baharu dalam iklim ekonomi global tidak menentu ini.

Tindakan pentadbiran baharu AS dalam mendepani dasar perdagangan dengan menekankan dasar berbentuk perlindungan (protectionist) adalah dilihat sebagai menongkah arus perdagangan global semasa yang diwarisi mereka berdekad lalu. Seruan kepada China 20 tahun lalu untuk membuka pasaran domestik kepada syarikat dari AS ada satu contoh.

Oleh itu, dalam keadaan ketidakstabilan ekonomi global didapati risiko ketidakstabilan geopolitik, penggarisan, perubahan iklim dan sentimen berbentuk kebangsaan, dasar baru perdagangan AS itu akan beri impak besar kepada hala tuju pertumbuhan ekonomi antarabangsa pada masa hadapan.

Trend menguncup

Apa yang dapat kita lihat, pertumbuhan perdagangan dunia menunjukkan trend menguncup sejak beberapa tahun yang lalu. Kelembapan perdagangan dunia

juga adalah disebarkan oleh kurangnya aktiviti pelaburan serta berkurangan halangan perdagangan oleh negara maju seperti anggota kumpulan G20.

Di samping itu juga pertumbuhan ekonomi yang lemah di negara maju pasca krisis kewangan global juga menyumbang kepada kebuntuan ini. Oleh yang demikian, mengambil kira dasar Amerika First yang disifatkan berbentuk memencil dan melindungi diri ini bakal menyumbang kepada satu lagi risiko kepada pertumbuhan ekonomi global.

Apa yang boleh kita tangkapkan ialah segala dasar baharu negara yang mempunyai ekonomi bernilai AS\$18 trilion (RM80 trilion) itu terutamanya dari sudut perdagangan bakal pengaruhi hala tuju ekonomi dunia.

Malaysia yang mengekspor kira-kira 10 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan ke AS mungkin secara tidak langsung akan merasai kesan perubahan dasar itu. Bagaimanapun, dasar perdagangan terbuka kekal alternatif terbaik yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi global.

Komentar



Kamaruddin Mohd Nor

Ketua AME Ekonomi, MIF Amanah Investment Bank Bhd

SEJAK memulakan kempen Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS) yang baru berlalu, antara manifesto dan dasar dicanangkan oleh Presiden Donald Trump yang mendapat perhatian dan memberikan kesan kepada dunia amnya adalah mengenai dasar perdagangan luar republik itu.

Kelantangan beliau dalam mengkritik dasar perdagangan sedia ada AS yang disifatkannya berat sebelah dan menyebabkan ramai rakyat kehilangan pekerjaan.

Perjanjian perdagangan seperti Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang ditandatangani pada 1994, contohnya, disifatkan Trump memberi kelebihan kepada Mexico dan Kanada berbanding AS. Berjuta-juta peluang pekerjaan dipindahkan dari AS ke Mexico, termasuk di sektor automotif dan ini memberi tekanan kepada sektor pekerjaan di AS.

Oleh yang demikian itu, bukanlah mengejutkan apabila AS di bawah pimpinan Trump yang memelopori dasar disifatkan memencil dan melindungi diri dengan berundur daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Seperti kita sedia maklum, tanpa AS, TPPA tidak dapat dilaksanakan.

KDNK tak kurang 85 peratus

Ini berdasarkan kepada klausa 30 dalam perjanjian itu yang mengkehendaki Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara terbabit hendaklah tidak kurang daripada 85 peratus daripada KDNK kesemua 12 negara peserta. Oleh itu, jelaslah pengunduran AS akan menamatkan peluang pelaksanaan TPPA.

Dalam pada itu, Malaysia contohnya masih mempunyai Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang turut dianggotai oleh 10 anggota ASEAN selain rakan dagangan serantau iaitu China, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand dan India.

Dengan terkuburnya TPPA maka RCEP bakal dilihat sebagai saluran terbaik untuk negara terbabit termasuk Malaysia meningkatkan jalinan dagangan lebih rapat di samping memanfaatkan peluang perdagangan baharu dalam iklim ekonomi global tidak menentu ini.

Tindakan pentadbiran baharu AS dalam mendepani dasar perdagangan dengan menekankan dasar berbentuk perlindungan (protectionist) adalah dilihat sebagai menongkah arus perdagangan global semasa yang diterajui mereka berdekad lalu. Seruan kepada China 20 tahun lalu untuk membuka pasaran domestik kepada syarikat dari AS ada satu contoh.

Oleh itu, dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global didepani risiko ketidakstabilan geopolitik, pengganas, perubahan iklim dan sentimen berbentuk kebangsaan, dasar baru perdagangan AS itu akan beri impak besar kepada hala tuju pertumbuhan ekonomi antarabangsa pada masa hadapan.

Trend menguncup

Apa yang dapat kita lihat, pertumbuhan perdagangan dunia menunjukkan trend menguncup sejak beberapa tahun yang lalu. Kelembapan perdagangan dunia juga adalah disebabkan oleh kurangnya aktiviti pelaburan serta kenaikan halangan perdagangan oleh negara maju seperti anggota kumpulan G20.

Di samping itu juga pertumbuhan ekonomi yang lembab di negara maju pasca krisis kewangan global juga menyumbang kepada kelembapan ini. Oleh yang demikian, mengambil kira dasar Amerika First yang disifatkan berbentuk memencil dan melindungi diri ini bakal menyumbang kepada satu lagi risiko kepada pertumbuhan ekonomi global.

Apa yang boleh kita rangkumkan ialah segala dasar baharu negara yang mempunyai ekonomi bernilai AS\$18 trilion (RM80 trilion) itu terutamanya dari sudut perdagangan bakal pengaruhi hala tuju ekonomi dunia.

Malaysia yang mengeksport kira-kira 10 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan ke AS mungkin secara tidak langsung akan merasai kesan perubahan dasar itu. Bagaimanapun, dasar perdagangan terbuka kekal alternatif terbaik yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi global.

14. Tutup ruang untuk penjawat awam rasuah



MENTERI Besar Kedah, Datuk Seri

Ahmad Bashah Md Hanipah (tengah) bersama Exco Kesihatan, Alam Sekitar dan Perpaduan Negeri Kedah, Datuk Dr Leong Yong Kong (tiga dari kiri) serta wakil kepimpinan Barisan Nasional Negeri menggaaul Yee Sang di majlis penyampaian sumbangan kepada masyarakat Cina sempena sambutan Tahun Baharu yang diadakan di Dewan Seri Mentaloon. - Foto Amran Hamid

ALOR SETAR: Kedah tidak mahu kerajaan negeri terpalit dengan imej rasuah susulan penahanan seorang penjawat awam dari Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, minggu lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, dengan itu mengingatkan penjawat awam negeri ini supaya mengambil iktibar kes yang membabitkan seorang penolong jurutera kanan, dengan memastikan setiap ruang perlakuan rasuah dan salah guna kuasa ditutup. "Saya tak mahu kerana nila setitik rosak susu sebelanga, jadi apabila itu (tangkapan) berlaku, kita harap (semua penjawat awam) berhati-hati dan ambil iktibar apa yang terjadi dengan melaksanakan tanggungjawab serta amanah sebaiknya supaya rakyat dapat merasai dasar kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan Tahun Baru Cina kepada 800 penerima, di sini tadi sebentar tadi.

Ahmad Bashah pada masa sama, menegaskan kerajaan negeri akan sentiasa memberi kerjasama penuh kepada SPRM dalam sebarang kes berkaitan rasuah khususnya yang membabitkan penjawat awam di Kedah. "Dari segi kerajaan kita akan bagi kerjasama terhadap SPRM dan saya berharap jabatan terbabit (JKR) juga akan bagi kerjasama juga kepada suruhanjaya itu untuk menyelesaikan kes ini," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri juga sentiasa memberikan komitmen termasuk cuba memenuhi saranan SPRM dalam mencegah penjawat awam terjerumus dalam jenayah rasuah, termasuklah dengan menyarankan mereka supaya tidak bermain golf di luar negara.

Sebelum ini seorang penolong jurutera kanan JKR negeri ditahan SRPM selepas disyaki terbabit rasuah, dengan wang berjumlah RM1.1 juta ditemui disembunyikan dalam dinding kayu di bilik tidur rumahnya di Kampung Sungai Daun di Guar Chempedak, dekat sini.



Khamis, 26 Januari 2017

15. Bekas CEO TH Heavy Engineering didakwa pecah amanah RM2.5

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif TH Heavy Engineering Bhd (THHE), yang juga anak syarikat Tabung Haji didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas lima tuduhan melakukan pecah amanah membabitkan lebih RM2.5 juta.

Datuk Nor Badli Munawir Mohamad Alias Latfi, 52, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sebaik pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Madiah Harullah.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di pejabat THHE Fabricators Sdn Bhd, Tingkat 23, Tower B, Menara UOA, Bangsar, Nombor 5, Jalan Bangsar Utama 1, di sini, antara Jun dan Oktober 2013.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan, yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun, sebat dan denda, jika sabit kesalahan.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM400,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 15 Mac ini untuk sebutan semula kes.

16. Ekonomi Malaysia diunjur berkembang 4.5 - 5 peratus 2017 - PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyampaikan pingat perkhidmatan cemerlang kepada Penolong Akauntan, Jabatan Akauntan Negara, Norafizah Abdul Razak (kiri) ketika menghadiri Majlis Perhimpunan Khas Kementerian Kewangan di Putrajaya, hari ini. Turut sama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Lee Chee Leong (dua dari kiri). - Foto NSTP/Fariz Iswadi Ismail

PUTRAJAYA: Ekonomi Malaysia, yang diunjurkan berkembang antara 4.5 dan 5.0 peratus tahun ini, diyakini dapat dicapai berdasarkan asas ekonomi negara yang kukuh serta dasar fiskal dan kewangan yang baik, kata Datuk Seri Najib Razak.

Bercakap pada Perhimpunan Khas Kementerian Kewangan di sini hari ini, Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata sasaran itu adalah lebih baik berbanding jangkaan yang dicapai ekonomi negara pada tahun lalu iaitu sekitar 4.0 hingga 4.5 peratus.

Timbalan Perdana Menteri berkata prospek pertumbuhan ekonomi dunia pada 2017 dijangkakan lebih baik berbanding tahun sebelumnya, berkembang 3.4 peratus berbanding 3.1 peratus pada 2016.

Katanya, perdagangan dunia juga dijangkakan meningkat 3.8 peratus pada tahun ini berbanding 2.3 peratus pada 2016.

"Bagaimanapun, beberapa risiko dijangkakan terus dihadapi, termasuk pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kalangan negara maju dan beberapa negara serta perkembangan dasar di Amerika Syarikat yang perlu diberi perhatian," katanya.

Katanya, Malaysia juga menghadapi beberapa risiko domestik seperti lebih akaun semasa yang semakin mengecil, penyusutan nilai mata wang ringgit, peningkatan hutang isi rumah kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) serta peningkatan kos sara hidup.

Mengenai harga minyak dan komoditi minyak sawit dan getah, Perdana Menteri berkata semua harga itu menunjukkan trend terkini yang memberangsangkan.

"Harga minyak mentah global, Brent, menunjukkan trend peningkatan iaitu berada pada paras purata AS\$55 setong sehingga 23 Januari lalu berbanding AS\$44 setong bagi tahun lalu.

Katanya, dengan komitmen daripada Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC untuk mengehadkan pengeluaran dunia, harga Brent dijangkakan dapat dipertahankan pada paras itu atau naik sedikit tahun ini.

Mengenai harga minyak sawit, katanya, trend peningkatan harga komoditi itu boleh dilihat berdasarkan harga terkini yang mencecah purata RM3,264 setan metrik (sehingga 23 Januari 2017) berbanding RM2,650 setan metrik pada 2016.

Najib berkata harga getah yang juga meningkat dengan ketara, sudah pasti memberi kelegaan kepada ratusan ribu pekebun kecil di luar bandar.

Beliau berkata sekiranya trend itu berterusan, kedudukan kewangan negara akan bertambah kukuh dan lebih banyak program berpaksikan kesejahteraan rakyat akan dapat dilaksanakan.



Khamis, 26 Januari 2017

17. PIDM sasar hasil RM585 JUTA Tahun Kewangan 2017

KUALA LUMPUR: Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) menyasarkan hasil RM585 juta dalam tahun kewangan 2017, dan menyediakan RM120 juta untuk perbelanjaan operasi, dengan unjuran lebih bersih sebanyak RM465 juta. Ia berkata menjelang akhir 2017, lebih dalam Dana

Insurans Deposit (DIF) dan Takaful serta Dana Perlindungan Manfaat Insurans (TIPF) masing-masing berjumlah RM2.01 bilion dan RM1.54 bilion.

"DIF dan TIPF adalah rizab terkumpul bagi menanggung kerugian yang mungkin timbul daripada khidmat perlindungan yang disediakan kepada pendeposit dan pemilik polisi," kata syarikat itu dalam kenyataan sempena pengumuman Perancangan Korporat 2017-2019, di sini hari ini. Pelan itu menggariskan hala tuju dan bidang tumpuan PIDM bagi tempoh tiga tahun akan datang dalam

memastikan kemampunan dan kejayaan jangka panjangnya. Pengurus Besar Eksekutif PIDM, Rafiz Azuan Abdullah, berkata agensi itu akan mewujudkan rangka kerja menyeluruh untuk memandu dan memudahkan penyediaan pelan resolusi dan penilaian teresolusikan ke atas institusi anggota.

"Rejim ini akan membolehkan institusi anggota diselesaikan secara teratur, tanpa gangguan sistemik, dan dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan secara menyeluruh," katanya.